

PROSEDUR PERMOHONAN SUMBANGAN/ PENAJAAN DAN MEMUNGUT DERMA

1.0 Tujuan

- 1.1 Memberi penjelasan terhadap tatacara proses permohonan yang perlu disediakan oleh persatuan/pelajar bagi mendapatkan kelulusan Naib Canselor.
- 1.2 Menetapkan skop dan definisi aktiviti permohonan sumbangan/penajaan dan memungut derma yang boleh dijalankan oleh persatuan pelajar di IPTA.

2.0 Skop

Semua kegiatan yang mempunyai aktiviti permohonan sumbangan/penajaan dan memungut derma sama ada melibatkan wang tunai, barangan atau apa sahaja bentuk penajaan.

3.0 Rujukan

- 3.1 Seksyen 15(A) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- 3.2 Pekeliling Bendahari Bil. 2/2011 Tatacara Pengurusan Sumbangan / Hadiah / Derma di Universiti

4.0 Tanggungjawab

- 4.1 Pegawai Penyelaras bertanggungjawab memberi nasihat kepada pelajar untuk mengikuti tatacara permohonan memungut derma / kutipan wang.
- 4.2 Pelajar bertanggungjawab menyediakan surat permohonan sumbangan/penajaan dan memungut derma untuk dikemukakan kepada Naib Canselor.

5.0 Proses Mendapatkan Kelulusan

- a. Semua permohonan perlu dikemukakan melalui Pejabat HEP untuk mendapat kelulusan Naib Canselor.
- b. Setiap permohonan perlu mengikuti format permohonan yang ditetapkan oleh Universiti.
- c. Setiap permohonan sumbangan/penajaan dan memungut derma bagi program yang diadakan perlu dikemukakan seawal-lewatnya 3 bulan sebelum tarikh program dijalankan .
- d. Pejabat HEP bertanggungjawab memastikan permohonan yang dikemukakan mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti sebelum diproses bagi mendapatkan kelulusan Naib Canselor.
- e. Nama IPTA
- f. Tujuan
- g. Maklumat Program
 - i. Nama Program
 - ii. Tarikh dan tempat program
 - iii. Anjuran
 - iv. Objektif Program
 - v. Justifikasi Mengadakan Program
 - vi. Matlamat Program
 - vii. Jenis Program
 - viii. Jangkamasa Program
 - ix. Bilangan peserta - Nyatakan bilangan peserta dan sertakan senarai nama peserta, nombor kad pengenalan, alamat dan nombor telefon bimbit peserta program (sertakan dalam kertas kerja).
 - x. Senarai ahli jawatankuasa pelaksana program
 - xi. Tentatif program

6.0 Permohonan sumbangan/penajaan dan memungut derma

- 6.1 Hantar surat permohonan kepada Naib Canselor dan kertas kerja program ke Pejabat HEP (Tindakan Pengarah Program)
- 6.2 Terima dan semak permohonan pelajar mengikut format yang ditetapkan Universiti (Tindakan PP HEP)
- 6.3 Sedia dan kemukakan surat sokongan kepada Naib Canselor (TindakanKP HEP)
- 6.4 Terima surat maklumbalas daripada pejabat Naib Canselor (Tindakan KP HEP / Pengarah Program)
- 6.5 Sediakan surat mohon penajaan kepada pihak penaja melalui Pejabat HEP (Tindakan Pengarah Program)
- 6.6 Terima maklumbalas sumbangan tunai, cek dan barangan daripada pihak penaja (Tindakan Pengarah Program)
- 6.7 Membuat salinan dan menyerahkan semua sumbangan tunai dan cek diterima atas nama "NAIB CANSELOR UTHM" kepada Pejabat HEP (Tindakan Pengarah Program)
- 6.8 Menyediakan surat dan senarai terimaan sumbangan tunai dan cek untuk dihantar ke Pejabat Bendahari (Tindakan PP HEP)
- 6.9 Menyediakan rekod perbelanjaan dan tuntutan (sila rujuk Syarat-syarat dan Peraturan Asas menganjurkan Kegiatan Pelajar) (Tindakan Pengarah Program)

Maklumat Yang Diperlukan Bagi Permohonan Kebenaran Memungut Derma / Kutipan Wang Di Bawah Seksyen 15 Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1996)

- I. Nama Persatuan/Pertubuhan
- II. Nyatakan tujuan kertas kerja ini disediakan iaitu untuk memohon pertimbangan dan persetujuan Naib Canselor atau memohon kebenaran mendapatkan penajaan / kewangan daripada badan-persatuan tajaan.
- III. Ulasan Penasihat / Fasilitator beserta tandatangan
- IV. Belanjawan
 - Nyatakan sumber kewangan dan anggaran perbelanjaan.
 - Nyatakan jumlah pembiayaan yang diperlukan.
- V. Pandangan daripada agensi yang berkaitan mengikut program yang dicadangkan (jika melibatkan agensi lain).
- VI. Kesimpulan
- VII. Ringkasan Eksekutif

**Ringkasan Eksekutif Bagi Permohonan Kebenaran Memungut Derma / Kutipan Wang Di Luar Kolej Kampus
Di Bawah Seksyen 15A Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 Dan Program Pelajar Ke Luar Negara.**

IPTA	
TAJUK PROGRAM	
JENIS PROJEK	
MATLAMAT DAN PENCAPAIAN PROGRAM	
ANJURAN	
TARIKH DAN TEMPAT	
BILANGAN PESERTA	
ANGGARAN KOS	